# 40

# PENDAPAT

# TENTANG

# MALAM AL-QADR

Terjemahan satu bahagian daripada kitab فتح الباري بشرح البخاري

karangan Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani.

Disediakan oleh:

Muaz bin Adnan

# ALUAN PENTERJEMAH

بسم الله الرحمن الرحيم، وصلّى الله وسلّم على سيّد المرسلين وعلى آله وأصحابه ومن سار على هديه إلى يوم الدين، أمّا بعد

Peringkat tertinggi seorang hamba adalah menyedari dan memaknai sifat kehambaan, menyembah tanpa memandang ganjaran yang Tuhan peruntukkan. Namun adakalanya mengetahui ganjaran yang Allah sediakan dalam ibadah pada waktu tertentu akan menambah harapan sang hamba untuk turut serta meraih kurnia dan pandangan Ar-Rahman.

Risalah ini memuatkan himpunan pandangan ulamak berkenaan Malam Al-Qadr yang dikumpulkan oleh Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani dalam karya agungya “Fathul Bari” lalu hamba terjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, moga-moga pembaca mendapat manfaat dengan terjemahan ini, Amin.

Telah berkata Al-Imam Ibn Hajar Al-Asqalani Rahimahumullah:

*"Ulamak telah berselisih begitu banyak pendapat dalam menentukan Malam Al-Qadr dan telah terkumpul pada kami tentang itu, sehingga lebih daripada 40 pendapat, sama seperti pendapat yang kami dapati dalam penentuan waktu mustajab berdoa pada hari jumaat; waktu mustajab dan Malam Al-Qadr sama-sama berkongsi pada sudut tersembunyi (yakni dirahsiakan) tiap-tiap keduanya supaya orang yang mencari waktu mustajab pada hari jumaat dan Malam Al-Qadr bersungguh-sungguh dalam pencarian mereka".*

**PENDAPAT PERTAMA: MALAM AL-QADR TELAH TERANGKAT.**

Pendapat ini dihikayatkan oleh Al-Mutawalli dalam At-Tatimmah daripada Ar-Rawafidh dan dihikayatkan oleh Al-Fakihani dalam Syarah Umdah daripada Hanafiyyah, dan seolah-olah itu adalah kesilapan daripadanya (yakni daripada Al-Fakihani).

Perkataan yang dihikayatkan oleh As-Saruji bahawasanya ini adalah pendapat Syiah, Abdur Razzaq telah meriwayatkan daripada jalur Dawud bin Abi Asim daripada Abdullah bin Abi Yuhannas katanya: Aku berkata kepada Abu Hurairah: "Mereka mendakwa bahawa Lailatul Qadr telah terangkat" maka jawab Abu Hurairah: "Telah berdusta orang yang mengatakan sedemikian".

Abdur Razzaq telah meriwayatkan daripada jalur Abdullah bin Syarik katanya: "Al-Hajjaj pernah menyebut tentang malam Al-Qadr seolah-olah dia mengingkarinya. Lalu Zirr bin Hubaisy ingin merejam Al-Hajjaj (kerana pengingkaran tersebut) akan tetapi dihalang oleh kaumnya".

**PENDAPAT KEDUA: MALAM AL-QADR ISTIMEWA PADA SATU TAHUN SAHAJA IAITU PADA ZAMAN RASULULLAH ﷺ.**

Pendapat ini juga dihikayatkan oleh Al-Fakihani.

**PENDAPAT KETIGA: MALAM AL-QADR HANYA KHAS BUAT UMAT INI (UMAT NABI MUHAMMAD ﷺ) DAN TIDAK DIBERIKAN KEPADA UMAT SEBELUMNYA.**

Pendapat ini dipegang teguh oleh Ibn Habib dan ulamak Malikiyyah selain beliau dan beliau (yakni Ibn Habib) menaqalkan pendapat ini daripada jumhur. Pendapat ini juga dinaqalkan oleh pengarang kitab Al-'Iddah daripada Syafi'iyyah dan beliau merajihkan pendapat ini sedangkan pendapat ini bertentangan dengan Hadis Abi Dzar yang diriwayatkan oleh An-Nasa'ie:

قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَكُونُ مَعَ الْأَنْبِيَاءِ فَإِذَا مَاتُوا رُفِعَتْ؟ قَالَ: لَا، بَلْ هِيَ بَاقِيَةٌ

"Aku berkata: Wahai Rasulullah adakah malam Al-Qadr ikut bersama para Nabi (terdahulu) apabila mereka wafat maka akan terangkatlah ia? Jawab Baginda ﷺ: Tidak, bahkan ia kekal".

Pegangan mereka adalah berdasarkan perkataan Malik dalan Muwatha':

بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ تَقَاصَرَ أَعْمَارَ أُمَّتِهِ عَنْ أَعْمَارِ الْأُمَمِ الْمَاضِيَةِ فَأَعْطَاهُ اللَّهُ لَيْلَةَ الْقَدْرِ

"Telah sampai kepadaku bahawa Rasulullah ﷺ membilang pendek umurnya berbanding umur umat-umat yang lampau lalu Allah mengurniakan kepada Baginda ﷺ Lailatul Qadr".

Akan tetapi ungkapan Malik menerima takwilan lain, maka tidak boleh menolak ungkapan jelas dalam Hadis Abi Dzar.

**PENDAPAT KEEMPAT: MALAM AL-QADR BOLEH SAHAJA BERLAKU DALAM MANA-MANA BULAN SEPANJANG TAHUN.**

Ini adalah pendapat daripada Hanafiyyah dinaqalkan oleh Qadhi Khan, Abu Bakr Ar-Razi (daripada Hanafiyyah) dan turut diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, 'Ikrimah dan lain-lain. Al-Muhallab menyatakan kebatilan pendapat ini, katanya: "Boleh jadi empunya pendapat ini membina pendapat ini berdasarkan konsep *peredaran masa dek kurangnya bulan* دوران الزمان لنقصان الأهلّة, dan ini adalah salah; kerana konsep ini tidak diambil kira dalam penetapan puasa Ramadan maka lebih lagi tidak terpakai pada selainnya sehingga malam Al-Qadr dipindah keluar daripada bulan Ramadan (mengikut konsep ini)".

Ambilan Ibn Mas’ud (yakni mengapa Ibn Mas’ud menyebut sedemikian) seperti yang terdapat dalam Sahih Muslim, daripada Ubay bin Ka’ab bahawasanya beliau (yakni Ibn Mas’ud) mahu supaya manusia tidak mengambil mudah (berpegang dengan satu pendapat).

**PENDAPAT KELIMA: MALAM Al-QADR BERLAKU HANYA DALAM BULAN RAMADAN DAN BOLEH BERLAKU PADA MANA-MANA MALAM SEPANJANG BULAN.**

Ini adalah pendapat Ibn Umar, Ibn Abi Syaibah telah meriwayatkan pendapat ini dengan sanad yang sahih daripada Ibn Umar -Radhia Allah Anhuma- turut diriwayatkan secara marfuk juga daripada Ibn Umar dan direkodkan oleh Abu Dawud. Dinyatakan dalam Syarah Al-Hidayah, berpegang teguh (jazam) dengan pendapat ini oleh Abu Hanifah.

Ini juga pendapat yang disebut oleh Ibn Al-Mundzir, Al-Mahamili, sebahagian Syafi’iyyah dan As-Subki merajihkan pendapat ini dalam Syarah Minhaj. Turut menghikayatkan pendapat ini, Ibnul Hajib dalam satu riwayat. Telah berkata As-Saruji dalam Syarah Al-Hidayah: “Perkataan Abu Hanifah: sesungguhnya ia berpindah-pindah dalam mana-mana malam Ramadan. Tetapi kata dua pengikut beliau[1]: Malam Al-Qadr berlaku pada malam tertentu yang samar (tidak diketahui) dalam Ramadan”.

Telah berpendapat seperti itu juga, An-Nasafi[2] dalam Al-Manzhumah:

وَلَيْلَةُ الْقَدْرِ بِكُلِّ الشَّهْرِ ... دَائِرَةٌ وَعَيَّنَاهَا فَادْرِ

“(Disisi Abu Hanifah) Malam Al-Qadr boleh berpindah-pindah dalam setiap malam dalam bulan Ramadan tidak menentu, manakala dua pengikutnya mengatakan malam tersebut tertentu (tidak berpindah-pindah) maka ambillah tahu”

Pendapat ini (pendapat dua pengikut Abu Hanifah) dihikayatkan oleh Ibn Al-‘Arabi daripada sebuah kumpulan (ulamak), **dan ini adalah pendapat keenam.**

---

[1] Kemungkinan yang dimaksudkan adalah: Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan.

[2] Beliau bermazhab Hanafi.

**PENDAPAT KETUJUH: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM YANG PERTAMA BULAN RAMADAN.**

Pendapat ini dihikayatkan daripada Abi Razin Al-Uqaili (seorang sahabat). Ibn Abi 'Asim meriwayatkan daripada hadis Anas katanya: "Malam Al-Qadr adalah malam pertama daripada bulan Ramadan", kata Ibn Abi 'Asim: "Kami tidak mengetahui orang yang berpendapat sedemikian selain beliau (Anas)".

**PENDAPAT KELAPAN: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM SEPARUH RAMADAN.**

Pendapat ini dihikayatkan oleh guru kami, Sirajuddin Ibn Al-Mulaqqin dalam Syarah 'Umdah. Aku melihat dalam Al-Mufhim karangan Al-Qurthubi hikayat pendapat bahawasanya Malam Al-Qadr adalah Malam Nisfu Sya'ban. Begitu juga pendapat yang dinaqalkan oleh As-Saruji daripada pengarang At-Thiraz (Malam Nisfu Sya'ban adalah Malam Al-Qadr) kalaulah benar nukilan **ini maka ini adalah pendapat kesembilan**. Lalu aku mendapati dalam Syarah As-Saruji daripada Al-Muhith bahawa Malam Al-Qadr adalah pada separuh akhir[3]

**PENDAPAT KESEPULUH: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-17 RAMADAN.**

Ibn Abi Syaibah dan At-Tabarani meriwayatkan daripada Hadis Zaid bin Arqam katanya: "Aku tidak syak dan ragu bahawa Malam Al-Qadr adalah malam ke-17 daripada Ramadan yakni malam turunnya Al-Quran". Abu Dawud juga meriwayatkan pendapat ini daripada Ibn Mas'ud.

**PENDAPAT KE-11: MALAM AL-QADR SAMAR DALAM SEPARUH KEDUA[4].**

Pendapat ini dihikayatkan oleh An-Nawawi, At-Tabari menyandarkan kepada Uthman bin Abi Al-'Ash dan Al-Hasan Al-Basri. Pendapat ini dipegang oleh sebahagian Syafi'iyyah.

---

[3] Bermula malam ke-16.

[4] Bermula malam ke-16.

**PENDAPAT KE-12: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-18 RAMADAN.**

Aku membaca pendapat ini dengan tulisan Al-Quthb Al-Halabi dalam Syarah beliau dan Ibnul Jauzi menyebut pendapat ini dalam Musykilnya.[5]

**PENDAPAT KE-13: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-19 RAMADAN.**

Pendapat ini diriwayatkan oieh Abdur Razzaq daripada Ali. At-Tabari menyandarkannya kepada Zaid bin Tsabit dan Ibn Mas'ud manakala At-Tahawi menyambungkan sanad pendapat ini daripada Ibn Mas'ud.

**PENDAPAT KE-14: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM PERTAMA SEPULUH AKHIR RAMADAN.**

Cenderung kepada pendapat ini, As-Syafi'i dan pendapat ini dipegang teguh oleh sebuah kumpulan (ulamak) daripada Syafi'iyyah akan tetapi As-Subki menyinggung: "Pendapat ini tidak dipegang kuat disisi mereka kerana mereka sepakat bahawa tidak dikira melanggar sumpah orang yang bersumpah pada malam ke-20 bahawa dia akan membebaskan hambanya pada Malam Al-Qadr lalu dia tidak membebaskan hambanya pada malam itu, bahkan dia dikira melanggar sumpah dengan berakhirnya bulan Ramadan di atas qaul yang sahih; dibina di atas pendapat bahawa Malam Al-Qadr adalah pada sepuluh terakhir (yakni bukan malam pertama sepuluh terakhir). Dikatakan: dia dikira melanggar sumpah dengan berakhirnya tahun itu; dibina di atas pendapat tidak dikhaskan pada sepuluh terakhir bahkan ia (berlaku) dalam bulan Ramadan.

**PENDAPAT KE-15: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM PERTAMA SEPULUH AKHIR RAMADAN, JIKALAU BULAN KAMIL (30 HARI) MAKA IA JATUH PADA 20 RAMADAN MANAKALA JIKALAU BULAN NAQIS (29 HARI) MAKA IA JATUH PADA 21 RAMADAN.**

Pendapat ini adalah pendapat Ibn Hazm dan beliau mendakwa pendapat ini dirumuskan diantara perkhabaran dengan demikian, ditunjukkan dengan hadis yang diriwayatkan oleh

---

[5] Kasyful Musykil Min Hadis Sahihain.

Ahmad dan At-Tahawi daripada Hadis Abdullah bin Unais katanya: "Aku mendengar Baginda ﷺ bersabda: carilah (tuntutlah) ia malam ini. Kata Abdullah: malam itu adalah malam ke-23. Kata seorang lelaki: malam ini lebih utama daripada lapan malam yang berbaki. Sabda Rasulullah ﷺ: malam ini lebih utama daripada tujuh malam yang berbaki; kerana sesungguhnya bulan ini tidak penuh".

**PENDAPAT KE-16: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-22.**

Akan datang perbicaraannya selepas ini, Ahmad meriwayatkan daripada Hadis Abdullah bin Unais bahawasanya beliau bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang Malam Al-Qadr, ketika itu pagi hari ke-21. Rasulullah ﷺ bertanya: malam ini malam ke berapa? Jawabnya: malam ke-22. Sabda Baginda ﷺ: inilah malamnya atau (Baginda ﷺ menyebut) boleh jadi malamnya.

**PENDAPAT KE-17: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-23.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Muslim daripada Abdullah bin Unais secara marfuk: "Aku telah diperlihatkan Malam Al-Qadr lalu aku dilupakan (hari keberapakah ia) lalu Muslim menyebut seperti hadis Abi Sa'id akan tetapi beliau (Muslim) menyebut 23 ganti bagi 21 (dalam Hadis Abi Sa'id).

Daripada Abdullah bin Unais katanya: "Wahai Rasulullah, aku mempunyai sebidang tanah aku tinggal dan solat di sana, perintahkan aku (untuk datang solat di Masjid Rasulullah) pada Malam Al-Qadr, sabda Baginda ﷺ: datanglah pada malam ke-23".

Ibn Abi Syaibah meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada Mu'awiyah katanya: "Malam Al-Qadr adalah malam ke-23". Ishak turut meriwayatkan pendapat ini dalam Musnadnya daripada jalur Abi Hazm daripada seorang sahabat daripada Bani Bayadhah secara marfuk.

Abdur Razzaq meriwayatkan daripada Ma'mar daripada Ayyub daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar secara marfuk: "Barangsiapa yang menginginkannya, dapatkan ia pada malam tujuh yang masih berbaki (malam ke-23)". Adalah Ayyub mandi pada malam ke-23 dan memakai wangian.

Daripada Ibn Juraij daripada ‘Ubaidillah bin Abi Yazid daripada Ibn ‘Abbas: “Bahawasanya Baginda ﷺ mengejutkan ahli keluarganya pada malam ke-23”.

Abdur Razzaq meriwayatkan daripada jalur Yunus bin Saif bahawa dia mendengar Sa’id bin Musayyab berkata: “Sepakatlah perkataan kaum (ulamak) bahawa Malam Al-Qadr adalah ke-23. Beliau (Abdur Razzaq) meriwayatkan daripada jalur Ibrahim daripada Al-Aswad daripada ‘Aisyah, dan daripada jalur Makhul bahawa Baginda ﷺ melihat Malam Al-Qadr pada malam ke-23.

**PENDAPAT KE-18: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-24.**

Seperti yang telah lalu disebutkan dalam Hadis Ibn ‘Abbas pada bab ini. At-Thayalisi meriwayatkan daripada jalur Abi Nadhrah daripada Abi Sa’id secara marfuk: “Malam Al-Qadr adalah malam ke-24”. Pendapat ini juga diriwayatkan daripada Ibn Mas’ud, Sya’bi, Al-Hasan (Al-Basri) dan Qatadah, hujah mereka adalah Hadis Watsilah bahawa Al-Quran telah turun pada malam ke-24 Ramadan.

Ahmad meriwayatkan daripada jalur Ibn Lahi’ah daripada Yazid bin Abil Khair As-Sunabihiy daripada Bilal secara marfuk: “Carilah Malam Al-Qadr pada malam ke-24”. Ibn Lahi’ah telah tersilap pada merafakkan hadis ini (menyandarkan hadis ini kepada Nabi ﷺ); sesungguhnya Amru bin Al-Harits telah meriwayatkan daripada Yazid dengan sanad ini secara mauquf tetapi bukan dengan lafaznya (riwayat Ibn Lahi’ah) seperti yang akan disebutkan dalam akhir kitab *Al-Maghazi* iaitu dengan lafaz: “Malam Al-Qadr adalah malam pertama daripada tujuh terakhir (malam ke-24)[6]”.

**PENDAPAT KE-19: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-25.**

Pendapat ini dihikayatkan oleh Ibnul ‘Arabi dalam kitab Al-‘Aridhah, Ibnul Jawzi menyandarkannya dalam kitab Al-Musykil kepada Abi Bakrah.

[6] Lihat Lathaif Al-Ma’arif.

**PENDAPAT KE-20: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-26.**

Pendapat ini adalah pendapat yang aku tidak menganggap ia dinyatakan secara jelas melainkan ‘Iyadh telah menyebut: “Tidak ada satu pun malam daripada malam-malam sepuluh terakhir melainkan telah dikatakan Malam Al-Qadr berlaku padanya”.

**PENDAPAT KE-21: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-27.**

Pendapat ini adalah pendapat yang benar daripada Mazhab Ahmad, juga satu riwayat daripada Abi Hanifah, pendapat ini dipegang teguh oleh Ubay bin Ka’ab dan beliau bersumpah atas pendapat ini seperti yang telah diriwayatkan oleh Muslim. Muslim meriwayatkan juga daripada jalur Abi Hazm, daripada Abi Hurairah katanya: “Kami saling bercerita tentang Malam Al-Qadr, kemudian Rasulullah ﷺ bersabda: Adakah antara kalian yang ingat tatkala terbit purnama umpama separuh *jafnah*[7] (bulan separa) kata Abu Hasan Al-Farisiy: yakni malam ke-27; kerana purnama pada malam itu terbit dengan sifat seperti itu[8].

At-Tabarani meriwayatkan daripada Hadis Ibn Mas’ud bahawa Rasulullah ﷺ ditanya tentang Malam Al-Qadr lalu Baginda ﷺ menjawab: “Adakah antara kalian yang ingat malam *As-Sahbawat*[9]*?* Aku (yakni Ibn Mas’ud) menjawab: Aku. Malam itu adalah malam ke-27”. Ibn Abi Syaibah meriwayatkannya daripada Umar, Huzaifah dan sekumpulan sahabat.

Dalam bab ini, terdapat hadis riwayat Muslim daripada Ibn Umar: “Seorang lelaki melihat Malam Al-Qadr pada malam ke-27. Terdapat hadis riwayat Ahmad daripada Hadis Ibn Umar secara marfuk: “Malam Al-Qadr adalah malam ke-27”. Juga terdapat hadis riwayat Ibnul Mundzir: “Siapa yang menginginkannya, tuntutlah ia pada malam ke-27”.

Juga terdapat hadis daripada Jabir bin Samurah seumpama hadis ini direkodkan oleh At-Tabarani dalam Mu’jam Awsathnya. Terdapat hadis daripada Mu’awiyah seumpama hadis ini direkodkan oleh Abu Dawud. Pendapat ini dihikayatkan oleh pengarang kitab Al-Hilyah (sebahagian daripada Syafi’iyyah) daripada kebanyakan ulamak.

---

[7] Nama sejenis bekas berbentuk bulat.

[8] Mubarakfuri mengkritik pendapat yang mengatakan malam purnama terbit umpama separa bulatan adalah malam ke-27, kerana malam ke-27 bulan sudah menjadi bulan sabit bukan lagi separa. Syarah Sahih Muslim.

[9] Suatu tempat dekat dengan Khaibar.

Telah kami sebutkan istinbat Ibn A'bbas disisi Umar dan persetujuan Umar terhadap istinbat Ibn A'bbas. Ibn Qudamah mendakwa bahawa Ibn'Abbas mengeluarkan pendapat ini berdasarkan bilangan kalimah dalam Surah Al-Qadr, firman-Nya pada menceritakan Malam Al-Qadr telah menepati kalimah "Ia" (yang merujuk kepada Malam Al-Qadr) dan kalimah "ia" tersebut adalah perkataan ke-27 dalam surah. Kenyataan ini dinaqalkan oleh Ibn Hazm daripada sebahagian Malikiyyah dan beliau sangat mengingkarinya. Ibn 'Athiyyah juga menaqalkan kenyataan ini dan berkata: "Ini adalah sebahagian daripada *nuktah* tafsir bukan sebahagian daripada ilmu yang kemas".

Sebahagian ulamak lain mengeluarkan (istinbath) pendapat ini (malam ke-27) melalui sudut lain, mereka berkata: "Lailatul Al-Qadr (ليلة القدر) mempunyai sembilan huruf dan berulang sebanyak tiga kali, maka bersamaan dengan 27".

Telah berkata pengarang kitab Al-Kafi daripada Hanafiyyah dan pengarang kitab Al-Muhith: "Siapa yang berkata kepada isterinya: kamu adalah wanita yang ditalak pada Malam Al-Qadr, maka wanita itu jatuh talak pada malam ke-27; kerana orang ramai beriktikad malam ke-27 adalah Malam Al-Qadr".

**PENDAPAT KE-22: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-28.**

Telah kami sebutkan sebelum ini tawjih pendapat ini.

**PENDAPAT KE-23: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-29.**

Pendapat ini telah dihikayatkan oleh Ibnul 'Arabi.

**PENDAPAT KE-24: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-30.**

Pendapat ini telah dihikayatkan oleh 'Iyadh, As-Saruji dalam Syarah Al-Hidayah, diriwayatkan oleh Muhammad bin Nasr, At-Tabari daripada Mu'awiyyah, Ahmad daripada jalur Abi Salamah daripada Abi Hurairah

**PENDAPAT KE-25: MALAM AL-QADR BERLAKU PADA SATU MALAM DALAM MALAM-MALAM GANJIL SEPULUH TERAKHIR.**

Pendapat ini ditunjukkan oleh Hadis Aishah dan selainnya dalam bab ini[10] dan ini adalah pendapat yang paling rajih (kuat), pendapat ini dipegang oleh Abu Tsaur, Al-Muzani, Ibnu Khuzaimah dan satu kumpulan daripada ulamak mazahib.

**PENDAPAT KE-26: MALAM AL-QADR BERLAKU PADA SATU MALAM DALAM MALAM-MALAM GANJIL SEPULUH TERAKHIR ATAU MALAM TERAKHIR.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh At-Tirmizi daripada Hadis Abi Bakrah dan Ahmad daripada 'Ubadah bin Samit.

**PENDAPAT KE-27: MALAM AL-QADR BERTUKAR-TUKAR DALAM MALAM-MALAM SEPULUH TERAKHIR.**

Pendapat ini disebut oleh Abu Qilabah, dinaskan oleh Malik, Ats-Tsauri, Ahmad dan Ishak. Al-Mawardi mendakwa bahawa pendapat ini telah disepakati, seolah-olah beliau mengambil daripada Hadis Ibn 'Abbas bahawa para sahabat mencapai kata sepakat bahawa Malam Al-Qadr berlaku dalam malam sepuluh terakhir kemudian mereka berselisih pendapat dalam menentukan malam yang manakah dalam sepuluh malam tersebut seperti yang telah dinyatakan (dalam pendapat-pendapat di atas).

---

[10] Sabda Nabi ﷺ: "Tuntutlah Malam Al-Qadr pada malam ganjil pada sepuluh terakhir Ramadan".

Hadis Abi Sa'id yang sahih telah menguatkan bahawa ia berlaku dalam sepuluh malam terakhir; Jibril telah berkata kepada Nabi ﷺ tatkala Baginda ﷺ usai beriktikaf pada sepuluh malam pertengahan: "Sesungguhnya (malam) yang kamu tuntut berada dihadapan kamu (sepuluh terakhir)" dan telah lalu perbicaraan mengenai hadis ini sebentar tadi[11].

Juga telah lalu, perbicaraan mengenai mengenai iktikaf Baginda ﷺ pada sepuluh terakhir dalam pencarian Malam Al-Qadr, juga telah disebutkan tentang iktikaf para isteri Baginda ﷺ selepas kewafatan Baginda ﷺ serta ijtihad dalam menentukan Malam Al-Qadr seperti yang dinyatakan dalam babnya dan bab selepasnya[12].

Mereka yang berpegang dengan pendapat ini (pendapat ke-27) berselisih pendapat (yakni adakah sama kuat kemungkinan berlakunya Malam Al-Qadr dalam sepuluh malam terakhir?):

1. Sebahagian daripada mereka berpendapat: malam-malam ini berpotensi (untuk berlaku Malam Al-Qadr) dengan kekuatan yang sama. Ar-Rafi'i menaqalkannya daripada Malik dan nukilan ini dilemahkan oleh Ibnul Hajib.

2. Sebahagian lain berpendapat: salah satu malam lebih diharapkan berbanding malam-malam yang lain (sebahagian malam dalam sepuluh malam terakhir mempunyai kemungkinan yang lebih tinggi untuk berlaku Malam Al-Qadr). As-Syafi'i berkata: "Malam yang paling diharapkan adalah malam ke-21" dan **ini adalah pendapat ke-28.** Dikatakan: "Malam yang paling diharapkan adalah malam ke-23" dan **ini adalah pendapat ke-29.** Dikatakan: "Malam yang paling diharapkan adalah malam ke-27" dan **ini adalah pendapat ke-30.**

**PENDAPAT KE-31: MALAM AL-QADR BERTUKAR-TUKAR DALAM TUJUH MALAM TERAKHIR.**

Telah lalu penerangan apa yang dimaksudkan daripada Hadis Ibn Umar: Adakah yang dikendaki tujuh malam terakhir yang dikira bermula daripada akhir bulan atau hari ketujuh terakhir yang dikira daripada awal bulan. Terbit daripada persoalan **ini pendapat ke-32.**

[11] Tidak dimuatkan dalam terjemahan ini. Penterjemah.
[12] Tidak dimuatkan dalam terjemahan ini. Penterjemah.

**PENDAPAT KE-33: MALAM AL-QADR BERTUKAR-TUKAR DALAM SEPARUH TERAKHIR (BERMULA MALAM KE-16).**

Pendapat ini disebutkan oleh pengarang kitab Al-Muhith daripada Abu Yusuf dan Muhammad serta dihikayatkan oleh Imam Al-Haramain daripada pengarang kitab At-Taqrib.

**PENDAPAT KE-34: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-16 ATAU MALAM KE-17.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Al-Harits bin Abi Usamah daripada Hadis Abdullah bin Az-Zubair.

**PENDAPAT KE-35: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-17 ATAU KE-19 ATAU KE-21.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Sa'id bin Mansur daripada Hadis Anas dengan sanad yang lemah.

**PENDAPAT KE-36: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM PERTAMA ATAU MALAM TERAKHIR RAMADAN.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Ibn Abi A'sim daripada Hadis Anas dengan sanad yang lemah.

**PENDAPAT KE-37: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM PERTAMA ATAU MALAM KE-9 ATAU KE-17 ATAU KE-21 ATAU MALAM TERAKHIR**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Ibn Mardawayh dalam Tafsirnya daripada Anas dengan sanad yang lemah.

**PENDAPAT KE-38: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-19 ATAU KE-21 ATAU KE-23.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Hadis Ibn Mas'ud dengan sanad yang mempunyai kritikan. Juga diriwayatkan oleh Abdur Razzaq daripada Hadis Ali dengan sanad *munqati'* (terputus) dan Sa'id bin Mansur daripada Hadis Aishah dengan sanad yang *munqati'* (terputus) juga.

**PENDAPAT KE-39: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-23 ATAU KE-27.**

Pendapat ini diambil daripada Hadis Ibn 'Abbas dalam bab ini, tatkala Baginda ﷺ bersabda: "Tujuh yang masih berbaki atau tujuh (daripada sepuluh terakhir) yang telah berlalu". Ahmad meriwayatkan daripada Hadis An-Nu'man bin Bashir: "Malam ketujuh yang telah berlalu (daripada sepuluh terakhir) atau tujuh yang masih berbaki".

Kata An-Nu'man: "Kami berpendapat Malam Al-Qadr adalah malam ke-27 dan kalian berpendapat malam ke-23".

**PENDAPAT KE-40: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-21 ATAU KE-23 ATAU KE-25.**

Seperti yang akan disebutkan dalam bab akan datang selepas bab ini daripada Hadis 'Ubadah bin Samit, Abu Dawud juga meriwayatkan daripada Hadis 'Ubadah dengan lafaz: "Malam sembilan yang masih berbaki, malam tujuh yang masih berbaki, malam lima yang masih berbaki". Kata Malik dalam Al-Mudawwanah: "Sabda Baginda ﷺ sembilan berbaki adalah malam ke-2 (sehingga akhir perkataan beliau)".

**PENDAPAT KE-41: MALAM AL-QADR EKSLUSIF (TERBATAS) DALAM TUJUH MALAM TERAKHIR.**

Pendapat ini berdalilkan Hadis Ibn Umar dalam bab sebelumnya.

**PENDAPAT KE-42: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KE-22 ATAU KE-23.**

Pendapat ini berdalilkan Hadis Abdullah bin Unais riwayat Ahmad.

**PENDAPAT KE-43: MALAM AL-QADR BERLAKU PADA SATU MALAM DALAM MALAM-MALAM GANJIL SEPULUH PERTENGAHAN ATAU SEPULUH TERAKHIR.**

Aku membaca pendapat ini dengan tulisan Mughlathay.

**PENDAPAT KE-44: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KETIGA ATAU KELIMA DARIPADA SEPULUH TERAKHIR.**

Pendapat ini diriwayatkan oleh Ahmad daripada Hadis Muaz bin Jabal. Beza dengan pendapat lepas malam ketiga (daripada sepuluh malam terakhir) boleh jadi malam ke-23 atau malam ke-27. Maka pendapat ini terpecah sama ada malam ke-23 atau malam ke-25 atau malam ke-27, oleh itu berbezalah pendapat ini dengan pendapat yang lepas.

**PENDAPAT KE-45: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM KETUJUH/KELAPAN DARIPADA PERMULAAN SEPARUH RAMADAN YANG KEDUA.**

At-Tahawi meriwayatkan daripada jalur 'Athiyyah bin Abdullah bin Unais daripada bapanya bahawa beliau bertanya kepada Nabi ﷺ tentang Malam Al-Qadr maka jawab Baginda ﷺ: "Dapatkan ia dalam separuh yang terakhir" kemudian beliau (yakni Abdullah bin Unais) mengulang tanya, sabda Baginda ﷺ: sehingga malam ke-23.

Berkata 'Athiyyah: "Adalah Abdullah menghidupkan malam ke-16 sehingga malam ke-23 kemudian beliau mengurangkan[13]".

[13] Qiyam beliau WaAllahuA'lam. Penterjemah.

**PENDAPAT KE-46: MALAM AL-QADR ADALAH MALAM PERTAMA ATAU TERAKHIR ATAU BERLAKU DALAM MALAM GANJIL.**

Abu Dawud merekodkannya dalam kitab Al-Marasil daripada Muslim bin Ibrahim daripada Abi Khaladah daripada Abi 'Aliyah bahawa seorang badwi mendatangi Nabi ﷺ sedang Baginda ﷺ solat lalu dia (yakni badwi tadi) bertanya: "Bilakah Malam Al-Qadr?" Jawab Baginda ﷺ: "Pohonlah ia pada malam pertama, malam terakhir dan malam yang ganjil". Perawi hadis *mursal* ini orang-orang yang tsiqah.

Setiap pendapat yang kami sebutkan selepas pendapat ketiga, sepakat mengatakan bahawa Malam Al-Qadr boleh diraih serta menggesa untuk mendapatkannya. Ibnul 'Arabi berkata: "Pendapat yang sahih adalah Malam Al-Qadr tidak mungkin diketahui" dan ini boleh jadi pendapat lain (**pendapat ke-47**)[14] namun pendapat ini dikritik oleh An-Nawawi, beliau berkata: "Telah jelas hadis-hadis yang mengatakan bahawa ia boleh diketahui dan telah diberitahu oleh satu kumpulan orang-orang soleh, maka tidak ada gunanya mengingkari pendapat ini".

At-Tahawi menaqalkan daripada Abu Yusuf satu pendapat yang dibenarkan, bahawa beliau memandang Malam Al-Qadr adalah malam ke-24 atau ke-27. Kalau benarlah nukilan ini daripada beliau maka ini adalah satu lagi pendapat yang lain (**pendapat ke-48**)[15].

Ini adalah pendapat terakhir yang aku temukan, sebahagian pendapat mungkin boleh digabungkan dengan sebahagian yang lain sekalipun pada zahirnya pendapat-pendapat ini saling berbeza.

**Pendapat yang paling rajih daripada semua pendapat adalah, Malam Al-Qadr berlaku dalam malam ganjil dalam sepuluh malam terakhir. Malam Al-Qadr bertukar-tukar (tidak tetap setiap malam sekian-kian) seperti yang difahami daripada hadis-hadis dalam bab ini, malam yang paling diharapkan berlakunya adalah malam-malam ganjil sepuluh terakhir. Malam ganjil sepuluh terakhir yang paling diharapkan disisi As-Syafi'iyyah adalah malam ke-21 atau ke-23 berdasarkan Hadis Abi Sa'id, Hadis Abdullah bin Unais manakala malam ganjil yang paling diharapkan disisi jumhur adalah malam ke-27 dan telah lalu dalil-dalil pendapat ini. *Intaha*.**

[14] Tambahan penterjemah.
[15] Tambahan penterjemah.

Ini adalah akhir daripada terjemahan hamba yang banyak pincang, moga-moga Allah memaafkan kesalahan hamba dan mengurniakan kepada hamba serta para pembaca tulisan ini kesempatan beribadah di Malam Al-Qadr. Siap diterjemah pada pagi Jumaat, 16 Ramadan 1447H bersamaan 06 Mac 2026 di kediaman Baitul Muslim Jalan Omar El-Mokhtar, Bandar Nasr, Kaherah.

وصلّى وسلّم على سيّدنا محمّد وعلى آله وأصحابه أجمعين والحمد لله ربّ العالمين